

# Perhebatkan penerangan Islam Hadhari – PM

UM-10/5/2006

**Bila golongan bukan Islam (menyokong),  
tentu pihak lain (masyarakat Islam) lebih  
faham lagi (mengenai Islam Hadhari)**

**ABDULLAH  
AHMAD BADAWI**  
Perdana Menteri

Oleh YULPISMAN ASLI

**KUALA LUMPUR** 9 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu penerangan mengenai Islam Hadhari yang kini semakin mendapat perhatian masyarakat antarabangsa, diperhebatkan terutama di kalangan pelajar Malaysia di luar negara.

Perdana Menteri berkata, ia penting untuk membolehkan pelajar terbabit, memberi penjelasan yang menyeluruh mengenai Islam Hadhari yang kini diperjuangkan oleh kerajaan.

Beliau menceritakan bagaimana penjelasan yang diberikan tentang Islam Hadhari telah menarik minat 11 eksekutif kanan syarikat gergasi semasa kunjungannya ke Austin, Amerika Syarikat baru-baru ini.

"Mereka secara spontan bertepuk dan melahirkan penghargaan sambil memberitahu, ia (Islam Hadhari) adalah baik, satu pandangan yang jelas tentang Islam dan orang Islam, serta mudah diterima," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat khas sempena Pertandingan Pidato Perdana Islam Hadhari anjuran Biro Penerangan dan Biro Agama UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, malam ini.

Abdullah berkata, penerimaan rakyat termasuk yang bukan Islam di negara ini terhadap Islam Hadhari sangat baik.

Katanya, ini terbukti semasa beliau membuat penggulungan di Parlimen, apabila Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas bangkit 'membela' ketika Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang mendakwa Islam Hadhari seolah-olah proses untuk mengislamkan rakyat.

"Bila golongan bukan Islam (menyokong), tentu pihak lain (masyarakat Islam) lebih faham lagi (mengenai Islam Hadhari)," katanya.

Perdana Menteri berkata, penjelasan juga perlu diberikan kepada rakyat bagi menepis andaian bahawa pembangunan yang dilaksanakan kerajaan termasuk di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), 'terkeluar' daripada prinsip Islam Hadhari.

"Sebenarnya, pembangunan yang dijalankan memang secocok dengan prinsip Islam Hadhari," katanya.

Beliau juga sekali lagi mengingatkan rakyat supaya turut memberi penekanan kepada pembangunan modal insan yang disifatkannya elemen penting bagi memacu pembangunan negara pada masa hadapan.

Abdullah turut mengingatkan orang Melayu supaya mengelak daripada terjebak dalam kegiatan tidak sihat dan jenayah, serta kewajipan ibu bapa mendidik dan membekalkan anak-anak mereka.

"Kita tidak mahu dalam masyarakat kita seboleh-bolehnya tidak ada seorang pun tak

jadi satu pembaziran. Pembaziran dalam erti kata tidak boleh memberi sumbangan yang baik untuk kemajuan bangsanya.


"Dalam apa juga perjuangan, kita mahu tiap-tiap orang Melayu berkemampuan berkebolehan untuk menyumbang kepada pembangunan bangsa dan negara."

"Berusahalah bersungguh-sungguh untuk membangunkan bangsa kita," katanya.

Dalam pada itu, Syamsul Amri Ismail dari Negeri Sembilan muncul juara pertandingan tersebut. Dia membawa pulang wang tunai RM5,000, pakej menunaikan haji, piala iringan dan sijil.

Tempat kedua pula dimenangi oleh Jaim Atoh dari Kota Belud, Sabah dan Saadiah Hussin dari Johor Baharu, Johor.

Jaim menerima wang tunai RM3,000, pakej pelancongan ke Beijing, piala iringan dan sijil, sementara Saadiah menerima wang tunai RM2,000, baucer pelancongan, piala iringan dan sijil.



**ABDULLAH Ahmad Badawi dan Muhammad Muhd. Taib bergambar bersama-sama pemenang pertandingan Pidato Perdana Islam Hadhari, Saadiah Hussin (kiri sekali), Syamsul Amri Ismail (dua dari kanan) dan Jaim Atoh (kanan) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, malam tadi.**

- Gambar RAJA JAAFAR ALI